

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

5hb. Mei, 1975.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BILANGAN 3 TAHUN 1975¹**

**Pengwujudan Lembaga Pemeriksa Jabatan dan
Pindaan kepada Peruntukan mengenai Markah Lulus
dalam Sukatan Peperiksaan**

Sebagaimana yang tuan sedia maklum ada setengah-setengah Sekim Perkhidmatan yang mensyaratkan Peperiksaan Perkhidmatan, iaitu, sebagai salah satu daripada *syarat-syarat bagi pengesahan dalam jawatan atau pun bagi maksud kemajuan seterusnya* dalam perkhidmatan. Bagi tujuan ini Sukatan-sukatan Peperiksaan di luluskan dari semasa ke semasa dan di antara peruntukan-peruntukan yang dimasukkan ke dalam sesuatu Sukatan Peperiksaan itu ialah peruntukan mengenai Markah Lulus. Pada amnya peruntukan Markah Lulus ini mensyaratkan peringkat 50% sebagai kadar kelulusan bagi bahagian-bahagian yang terdapat dalam peperiksaan yang berkenaan. Sungguhpun demikian, ada juga setengah-setengah Sukatan Peperiksaan yang dite-tapkan peratusan markah lulus pada kadar samada kurang atau pun lebih daripada 50%, iaitu, bergantung kepada Kementerian atau Jabatan yang mengendalikan peperiksaan tersebut.

2. Berhubung dengan perkara ini, Jawatankuasa bagi Mengkaji Sukatan Peperiksaan dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 11hb. September, 1974 telah membuat keputusan bahawa peruntukan mengenai Markah Lulus yang terdapat dalam mana-mana sukatan peperiksaan yang digunakan sekarang hendaklah dipinda sebagaimana yang berikut :-

"Keputusan - Lulus atau Kandas"

Dengan pindaan ini satu cara memeriksa yang baru dapat diwujudkan dalamana Markah Lulus bagi sesuatu peperiksaan itu akan dapat ditetapkan dari semasa ke semasa mengikut kadar prestasi calon-calon yang mengambil peperiksaan pada *keseluruhannya*. Cara ini adalah *difikirkan lebih adil oleh kerana calon-calon yang* berkenaan akan dapat peluang yang lebih baik untuk lulus peperiksaan-peperiksaan yang berkenaan.

3. Untuk Melaksanakan cara yang tersebut di atas, tiap-tiap Kementerian/Jabatan yang berkenaan yang akan mengendalikan Peperiksaan-peperiksaan Perkhidmatan adalah dengan ini dikehendaki menubuhkan satu Lembaga Pemeriksa Jabatan yang ahlinya terdiri daripada tidak kurang daripada 3

orang pegawai yang akan mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab, secara amnya, seperti berikut:-

- a) Untuk melantik Pemeriksa-pemeriksa bagi menyediakan soalan-soalan dalam peperiksaan-peperiksaan di samping menentukan supaya peringkat serta jenis soalan-soalan itu tidak terkeluar daripada Sukatan Peperiksaan

yang berkenaan;

- b) Untuk menentukan markah yang bolih ditetapkan sebagai peringkat kelulusan dalam sesuatu peperiksaan selepas prestasi calon-calon yang mengambil peperiksaan itu pada keseluruhannya diketahui;

- c) Untuk mengkaji sebarang rayuan berbangkit berhubung dengan peperiksaan-peperiksaan;

dan d) Untuk meneliti lain-lain perkara yang berkaitan dengan Peperiksaan Perkhidmatan dari semasa ke semasa.

4. Adalah diminta supaya semua Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membuat pindaan kepada peruntukan Markah Lulus yang terdapat dalam Sukatan-sukatan Peperiksaan yang terpakai sekarang, dan juga mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menubuhkan Lembaga Pemeriksa Jabatan sebagaimana yang disebutkan diatas dengan seberapa segeranya.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD
JALALUDIN)

Bahagian Perjawatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,
Semenanjung Malaysia.

s.k Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Jalan Young,

Kuala Lumpur.

Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran,

Rumah Persekutuan,

Kuala Lumpur.

¹Dibatalkan oleh [PP Bil. 2/82](#) yang berkuatkuasa mulai 29 disember 1981.